

**Penyertaan Sabah Dalam Malaysia Bukan Usaha Sia-Sia - MP Kudat
Bernama
15 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Selepas 50 tahun menyertai Malaysia, rakyat di Sabah dapat menilai sendiri penyertaan itu bukan usaha sia-sia kerana Sabah kini mengesepi kemajuan yang signifikan, kata Anggota Parlimen Kudat Datuk Abdul Rahim Bakri.

Katanya rakyat di Sabah sekarang jelas menikmati perubahan dan keselesaan hidup yang jauh lebih baik.

"Jaminan keselamatan dan keamanan turut dikecapi selain kemudahan pendidikan dan kesihatan percuma, kemudahan infrastruktur jalan raya, lapangan terbang serta bekalan elektrik dan air yang semakin meluas.

"Selain itu peluang memperoleh pendidikan tinggi dan peluang mobiliti sosial terbuka dengan luas," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Abdul Rahim yang juga Timbalan Menteri Pertahanan berkata kemajuan yang dinikmati rakyat sekarang adalah jauh lebih baik berbanding negara lain yang merdeka dalam tempoh sama.

Katanya banyak negara atau wilayah yang masih bergelut dengan konflik sektarian, peperangan, kemunduran dan kemiskinan.

"Kita sewajarnya insaf dan menghargai kejayaan ini. Begitupun mereka yang tidak mahu mengiktiraf dan bersyukur tetap cuba memadamkan kejayaan negara dari hati rakyat dengan pelbagai sangkalan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977892>